

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



Majlis Sanjungan Budi
Ts. Noor Hidayat bin Adnan
1 April 2022 (Jumaat)
2-45 petang
Bertempat di Anjung Seri Budaya, UiTM Shah Alam

Stamps Courtesy of YouTube Channel: Perpustakaan UiTM



Program Khidmat Masyarakat: Kongsi Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan
PTAR Jasin - muka 14




Live@PTAR: Tazkirah Ramadhan - Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30

Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



**PROGRAM LIBRARY OUTREACH PTAR BERSAMA
JABATAN SAINS KOMPUTER & MATEMATIK (JSKM) UiTMCPP**
1 APRIL 2022

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG**



Pada 1 April 2022, telah berlangsung Program Library Outreach PTAR bersama Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) UiTMCPP secara atas talian melalui platform Google Meet. Sesi yang diadakan bermula jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari ini telah disertai oleh para pensyarah JSKM.

Pertemuan maya ini diadakan bertujuan untuk menjalankan hubungan baik dan kerjasama di antara PTAR dan juga jabatan. Selain itu, ianya juga adalah untuk mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan selain mendapatkan maklumbalas daripada peserta untuk penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan.

Sesi dimulakan dengan taklimat pengenalan mengenai PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang serta kemudahan dan perkhidmatan pelanggan yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi. Kemudian, ia diikuti pula dengan perkongsian oleh Puan Farleen Azrina Zamberi mengenai proses cadangan pembelian bahan, dasar penyerahan harta intelek UiTM serta perkhidmatan arkib dan penyerahan rekod penting universiti.

Seterusnya, taklimat terakhir telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir mengenai perkhidmatan Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan serta perkhidmatan perpustakaan digital. Sepanjang program berlangsung, para pegawai telah menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh para pensyarah berkenaan kemudahan dan perkhidmatan di PTAR seperti kemudahan pinjaman antara perpustakaan, prosedur pembelian ebook dan penggunaan Sistem PRIME.

Diharap program ini dapat mencapai objektif yang telah digariskan serta memberi manfaat kepada warga JSKM dalam membantu proses pengajaran dan penyelidikan masing-masing.

